

**LAWATAN MAHATHIR BERJAYA LETAK ASAS
BARU POLITIK ASIA TENGGARA**

Soviet akui peranan

Malaysia

UM 6 AUG 1987

MOSCOW 5 Ogos —
Penegasan semula pengiktirafan Soviet Union terhadap peranan Malaysia sebagai negara kecil yang berkecuali telah meletakkan asas-asas baru ke arah suasana politik dan keselamatan yang lebih menjaminkan di Asia Tenggara — hasil lawatan Perdana Menteri yang

Mahathir over
Dari Khalid Mohd

dianggap amat berjaya.

Petunjuk - petunjuk ke arah hubungan yang lebih bererti dan saksama antara Kuala Lumpur dengan Moscow jelas dibayangkan dalam pernyataan bersama yang dikeluarkan petang ini sejurus sebelum Perdana Menteri berlepas ke London dalam perjalanan pulang ke tanahair. Pernyataan 16 muka itu disifatkan oleh para pegawai Wisma Putra sebagai satu dokumen penting yang mencakupi segala perkara yang menjadi isu dua hala dan isu serantau serta antarabangsa.

Ia juga, kata mereka, mencerminkan kesungguhan kedua belah pihak bukan sahaja untuk menyumbang kepada pencapaian kepentingan masing-masing tetapi juga kepada pencapaian kepentingan Asia Tenggara. Soviet Union, di bawah kepimpinan baru Gorbachev yang lebih terbuka dan sensitif kepada perubahan, menerima dengan baik pendirian berkecuali Malaysia yang berpegang kepada hubungan 'jarak sama' dengan semua negara — satu dasar yang telah

LIHAT MUKA 6

SOVIET AKUI PERANAN MALAYSIA

membawa kecemerlangan kepada Malaysia. Tentang keadaan di Asia dan Pasifik, kedua buah negara memberi penekanan terhadap perlunya kestabilan dan keamanan yang berkekalan di rantau itu dan bersetuju negara-negara di wilayah tersebut hendaklah bekerja rapat untuk mencapai matlamat idaman bersama itu. Dalam hubungan ini, Malaysia telah diberitahu secara rasmi mengenai langkah-langkah yang sedang diambil oleh Soviet Union untuk melaksanakan satu dasar kerjasama, keamanan dan kesejahteraan di rantau Asia dan Pasifik seperti yang ditegaskan oleh Gorbachev di Vladivostok setahun lalu. Malaysia menyambut baik sikap positif Soviet Union ini dan mengalu-alukan dayausaha-dayausaha Gorbachev untuk mententeramkan ketegangan di rantau Asia/Pasifik serta di dunia

amnya. Bagaimanapun, Malaysia menegaskan kepada pihak Soviet Union tentang perlunya semua pihak bekerjasama ke arah mencapai penyelesaian awal kepada konflik-konflik serantau. Masalah Kampuchea dan Afghanistan yang diduduki oleh tentera asing dikenalpasti sebagai dua kawasan konflik di Asia di mana Soviet Union perlu memainkan peranannya dalam mencari penyelesaian segera.

Malaysia sekali lagi menegaskan bahawa penyelesaian politik yang menyeluruh bagi masalah Kampuchea hanyalah dengan pengunduran semua tentera asing dari negara tersebut. Satu lagi perkara yang meninggalkan kesan besar hasil lawatan Datuk Sri Dr. Mahathir ke sini ialah soal Antartika. Dalam perkara ini, Soviet

Union telah menyatakan kesediaannya untuk mengkaji isu ini berdasarkan 'kedudukan satu sama lain.' Sebelum ini kebanyakan negara yang menandatangani perjanjian Antartika hanya mengenyepikan atau enggan sama sekali membincangkan perkara ini dengan Malaysia. Para pegawai Wisma Putra berkata, kesediaan Soviet Union, anggota utama dalam perjanjian itu untuk berbincang dengan Malaysia mengenai isu tersebut sesungguhnya adalah suatu perkembangan yang menggalakkan. Pernyataan bersama yang dikeluarkan hari ini menarik perhatian bahawa kedua belah pihak telah bersetuju untuk meneruskan pertukaran pandangan mengenai isu ini kerana menyedari betapa pentingnya Antartika dari segi keselamatan dan

0400 1987
keamanan antarabangsa dan untuk tujuan penyelidikan sains dan ekonomi termasuk alam sekitar. Satu perkara menarik yang tidak disebut dalam pernyataan itu ialah tentang ketidakimbangan perdagangan antara Malaysia dengan Soviet Union yang begitu besar. Para pegawai menegaskan, ini menunjukkan bahawa Soviet Union tidak akan menjadikan ketidakimbangan ini sebagai satu masalah dalam hubungan dua hala dan tidak akan mengurangkan jumlah belianya dari Malaysia.

Pihak Soviet juga dapat diyakinkan betapa mereka perlu meningkatkan lagi pembelian dari Malaysia kerana Malaysia juga bersungguh-sungguh dalam usaha mengurangkan imbalance perdagangan yang berat sebelah itu.